

18 AUG 1998

Mustapa-Vending

INDUSTRI VENDING DI MALAYSIA MASIH BELUM DITEROKAI

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Perniagaan jualan secara automatik atau mesin vending berpotensi untuk menjadi industri terbesar di Malaysia pada masa akan datang kerana penggunaannya semakin popular dan sektor itu juga masih belum diterokai sepenuhnya.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata walaupun penggunaan mesin vending semakin popular di kalangan rakyat Malaysia, tetapi konsep itu masih baru dengan pengenalan Mesin Teller Automatik (ATM) oleh bank dan institusi kewangan 10 tahun lepas.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Pameran dan Seminar "Vending Asia '98" di The Mines di sini, beliau berkata setakat ini hanya terdapat 8,000 mesin vending di negara ini termasuk 6,000 milik syarikat minuman ringan.

Mustapa menggesa para usahawan terutama pengeluar dan penjual makanan untuk melihat dengan lebih positif terhadap penggunaan mesin vending bagi memasarkan produk mereka kerana rakyat Malaysia sudah mengiktiraf mesin itu sebagai sesuatu yang memudahkan mereka ketika membeli.

Katanya, walaupun mesin itu agak mahal tetapi menguntungkan pemiliknya untuk jangka masa panjang kerana ia berorientasikan perniagaan wang tunai dan tidak memerlukan perbelanjaan lain selain perbelanjaan untuk menyelenggaranya.

"Penggunaan mesin vending itu juga boleh menjadi alternatif kepada pengeluar dan penjual makanan yang menghadapi masalah mendapatkan pekerja untuk memasarkan produk mereka," katanya.

Pengerusi ExpoAge International (M) Sdn Bhd Mirzan Mahathir berkata ekspo itu mengumpulkan lebih 20 pengeluar mesin vending dari Jepun, Jerman, Korea Selatan, Australia, Perancis dan United Kingdom dengan harapan mereka dapat mengetahui potensi Malaysia dalam industri ini.

Katanya, juga diharapkan bahawa menerusi galakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, para pengeluar akan berminat untuk mendirikan kilang mesin vending di Malaysia.

Mirzan berkata, kini semua mesin vending di negara ini diimport dan harga mesin itu sebuah ialah RM7,000 ke atas.

-- BERNAMA

AKT RHM